

700 firma huni PKFZ lima tahun

Port Klang Free Zone sasar 80 peratus ruang diguna syarikat luar, dalam negara dan PKS

Oleh Suffian A Bakar

PORT Klang Free Zone Sdn Bhd, anak syarikat Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) mensasar 80 peratus kawasan di Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) akan dihuni dalam tempoh lima tahun dengan pendapatan tahunan sekitar RM80 juta, kata Pengurus Besar Pembangunan Perniagaannya, Chia Kon Leong.

Beliau berkata, setakat semalam 30 syarikat dari dalam dan luar negara sudah mengesahkan penyertaan di PKFZ membabitkan 12 peratus daripada keseluruhan kawasan seluas 400 hektar di zon bebas itu dan pelaburan berjumlah RM725 juta.

"Kami mensasar meraih pendapatan sekitar RM22 juta tahun depan, manakala RM40 juta menjelang 2010.

"Kami menganggarkan antara 650 hingga 700 syarikat dari dalam dan

luar negara, termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS), akan beroperasi di PKFZ dalam tempoh lima tahun ini," katanya sambil menambah pihaknya mensasar 70 peratus daripada peserta PKFZ terdiri daripada syarikat asing.

Beliau berkata demikian pada taklimat media mengenai perkembangan terkini PKFZ di Pulau Indah, Selangor semalam.

PKFZ diuruskan anak syarikat LPK, Port Klang Free Zone Sdn Bhd.

Antara syarikat antarabangsa dan tempatan yang beroperasi di PKFZ ketika ini ialah Aker Kvaerner; pengeluar peralatan laut dalam; Score Asia, penganjur injap untuk industri minyak dan gas; Azron Wallssystem, penganjur bahan akustik; IEI Water-Tech, penganjur bahan kimia rawatan air; Veheng Global Traders, pusat pemerolehan antarabangsa untuk komponen automotif; dan Oriental SP, pedagang besi dan keluli.



UNTUK DIHUNI: Empat blok bangunan pejabat di zon bebas Pelabuhan Klang dengan keluasan binaan 500,000 kaki persegi.